



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2153
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
 2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab semua soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif

1.



Gambarajah 1

Jasnita merupakan seorang pelajar kulinari. Dia dikehendaki menghasilkan sebiji kek sebagai penilaian amalinya. Pensyarahnya telah menyediakan resepi untuk menghasilkan kek yang gebu dan lembut seperti mana dalam gambar rajah 1. Apakah jenis program latihan yang telah digunakan oleh pensyarah kepada Jasnita?

- A Latihan prosedur.
- B Latihan peringatan.
- C Latihan perubahan sikap.
- D Latihan pembangunan refleks.

2. Apakah kepentingan latihan dalam organisasi?

- A Peningkatan kerjaya pekerja.
- B Produktiviti dapat dipertingkatkan.
- C Berpeluang untuk kenaikan pangkat.
- D Meningkatkan semangat pekerja untuk bekerja.

3. Sejauh manakah teori kognitif dapat membantu dalam menyusun aktiviti pembelajaran yang berkesan?

- A Teori kognitif membantu dalam pembelajaran berasaskan perasaan dan emosi.
- B Teori kognitif membantu dalam pembelajaran berasaskan tingkah laku atau rangsangan.
- C Teori kognitif membantu dalam pembelajaran berasaskan pengetahuan dan pengalaman.
- D Teori kognitif membantu dalam pembelajaran berasaskan persepsi dan proses pemikiran.

4.

Penyelia mendapati Afiqah masih tidak menghantar laporan belanjawan pada tarikh yang ditetapkan. Oleh itu, penyelia telah bertanyakan kepada Afiqah punca yang menyebabkan beliau tidak menghantar belanjawan berkenaan. Afiqah menyatakan bahawa dia tidak mahir untuk menyediakan laporan belanjawan seperti yang dikehendaki oleh penyeliannya.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, apakah peranan yang ditunjukkan oleh penyelia berkenaan?

- A Bimbingan vokasional.
- B Bimbingan dan kaunselor.
- C Bimbingan dan memahami.
- D Bimbingan dan pemudah cara.

5. Encik Rafiq ditugaskan untuk melaksanakan program latihan kepada pekerja baharu. Beliau tidak mahir untuk menentukan jenis model yang akan digunakan dalam menyelesaikan masalah pengukuran prestasi latihan. Oleh itu, anda diminta membantu Encik Rafiq untuk menentukan apakah model yang harus digunakan?

- A Model analog.
- B Model semantik.
- C Model matematik.
- D Model sebab-akibat.

6. Pada pandangan anda, apakah kaedah yang sesuai dalam mengukur kecekapan dan prestasi pekerja setelah tamat menjalankan program latihan?
- A Tinjauan.
 - B Temuduga.
 - C Semak buku harian pekerja.
 - D Menyediakan borang maklum balas.
7. Manakah antara berikut merupakan langkah pertama dalam perlaksanaan analisis tugas?
- A Membentuk objektif latihan.
 - B Mereka bentuk program latihan.
 - C Mengenal pasti tugas yang terlibat.
 - D Mendapatkanuraian kerja daripada syarikat.
8. Objektif latihan harus dibina oleh Pengurus Program Latihan sebelum sesuatu program dijalankan. Anda diminta untuk membantu pengurus bagi menulis sesuatu pertanyaan objektif yang tepat dan sesuai. Manakah antara berikut kenyataan objektif yang tepat?
- A Pada akhir program latihan pelatih akan dapat memikirkan peraturan-peraturan dalam organisasi.
 - B Pada akhir program latihan pelatih akan dapat mengetahui peraturan-peraturan dalam organisasi.
 - C Pada akhir program latihan pelatih akan dapat memahami peraturan-peraturan dalam organisasi.
 - D Pada akhir program latihan pelatih akan dapat menjelaskan peraturan-peraturan dalam organisasi.

9.

Di akhir program latihan kemahiran berkomputer, peserta dapat menunjukkan prosedur yang betul dalam penggunaan *Software Microsoft Team*.

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2, apakah komponen objektif yang digunakan dalam penulisan objektif?

- A Prestasi.
 - B Masalah.
 - C Keadaan.
 - D Piawaian.
10. Seorang jurulatih hendaklah menyediakan pelan pengajaran sebelum melaksanakan sesuatu program latihan. Manakah antara berikut yang tidak perlu dimasukkan dalam pelan pengajaran?
- A Masa.
 - B Kemahiran.
 - C Sukatan pembelajaran.
 - D Staf dan bahan peralatan.
11. Manakah antara berikut tidak menerangkan tentang kegiatan pembelajaran?
- A Kegiatan pembelajaran hendaklah berupaya untuk mencapai objektif latihan dan memuaskan hati pelatih.
 - B Kegiatan pembelajaran yang berkesan seharusnya melibatkan pelatih dalam aktiviti latihan secara aktif.
 - C Kegiatan pembelajaran hendaklah sesuai dengan kebolehan, minat dan kebudayaan serta latar belakang pelatih.
 - D Kegiatan pembelajaran merangkumi staf yang terlibat, bahan dan peralatan yang akan digunakan semasa latihan.

12.

Negara Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan damai walaupun penduduknya berbilang kaum. Keamanan dan kedamaian ini dapat dikekalkan kerana toleransi antara kaum utama di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India. Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian yang membolehkan kita duduk Bersama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjelaskan serta merosakkan semangat perpaduan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Dipetik dan diubah daripada : <http://pmr.penerangan.gov.my>

1. Berdasarkan petikan tersebut, buat kajian dan hasilkan sebuah rencana berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

Kajian Kes 1


Berdasarkan kajian kes 1, apakah kepentingan teknik latihan yang digunakan oleh jurulatih tersebut?

- A Teknik ini sesuai untuk pelatih mempraktikkan kemahiran apa yang baru mereka pelajari.
- B Teknik ini dapat dilaksanakan secara cepat kerana masa kursus dapat dikawal oleh jurulatih dengan baik.
- C Teknik ini berupaya membantu pelatih mengingatkan kembali dan menggunakan teori dan pinsip yang telah dipelajari.
- D Teknik ini berupaya menukar sikap dan perlakuan pelatih jika jurulatih mahir dalam mengendalikan perbincangan secara dalam kumpulan.

13. Teknik simulasi merupakan

- A satu kegiatan pembelajaran yang diaplikasikan daripada situasi sebenar.
- B teknik yang melibatkan perbincangan oleh sekumpulan pelatih tentang sesuatu isu.
- C kaedah di mana pelatih akan diberikan masa selama 30 minit untuk bercakap dikhalayak ramai.
- D teknik di mana pelatih dikehendaki mengkaji kes atau sejarah yang telah berlaku di sesuatu tempat.

14. Puan Hanifah ialah seorang Pengurus Sumber Manusia yang ditugaskan untuk mengurus program *Trained Knowledge Workers*. Beliau dikehendaki membuat persediaan yang rapi sebelum melaksanakan program *Trained Knowledge Workers* bagi mengelakkan berlakunya kesilapan.




Rajah 1

Rajah 1 merupakan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh Puan Hanifah sebelum melaksanakan program berkenaan. X mewakili

- A masa.
- B aktiviti pembelajaran.
- C sukanan pembelajaran.
- D pemberitahuan peserta.

15. Rajah di bawah menunjukkan pergerakkan tugas Hafiz di dalam organisasi setiap tiga bulan.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2, apakah strategi yang akan dilakukan oleh organisasi dalam membangunkan kerjaya Hafiz?

- A Pusingan kerja.
- B Perluasan kerja.
- C Penyusunan kerja.
- D Menyokong latihan dan pembangunan.

16. Apakah perkara pertama yang harus diberi tumpuan oleh seseorang pengurus pusat latihan?

- A Pengawasan.
- B Perancangan.
- C Penyusunan struktur organisasi.
- D Pengurusan dan pembangunan personel.

17. Encik Tan Shin adalah seorang penyelaras program latihan. Di akhir program latihan, Encik Tan Shin mendapati bahawa pelatihnya masih kurang memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam program berkenaan. Apakah punca yang menyebabkan perkara itu berlaku?

- i. Analisis keperluan latihan berasaskan organisasi tidak dilaksanakan dengan betul.
- ii. Kemahiran yang diajar tidak berkaitan dengan masalah yang dihadapi di tempat kerja.
- iii. Budaya korporat yang sama dengan budaya latihan.
- iv. Tindakan susulan hanya akan dibuat sekali di tempat pelatih bekerja.

A i dan ii.

B ii dan iii.

C iii dan iv.

D ii dan iv.

18.



Dialog 1

Berdasarkan dialog 1, apakah teknik yang digunakan oleh majikan berkenaan?

- A Mengikat janji.
- B Tindakan susulan.
- C Pemindahan melalui prinsip.
- D Mempertingkatkan unsur serupa.

19. Apakah kepentingan penilaian prestasi dalam latihan dan pembangunan pekerja?




- A Mempertingkatkan pemindahan latihan.
- B Memperbaiki cara gaya perlaksanaan program latihan.
- C Membekalkan organisasi dengan tenaga kerja yang cekap.
- D Menentukan sama ada program perlu diteruskan atau ditamatkan.

20. Sebagai pengantar program latihan, anda diminta untuk membuat penilaian latihan yang sistematis.

- L - Membentuk instrument penilaian
- M - Membentuk objektif latihan
- N - Menetapkan peringkat latihan yang hendak dinilai
- O - Menentukan piawaian penilaian
- P - Mengumpul dan menganalisis maklumat
- Q - Menulis dan membentangkan laporan penilaian
- R - Membentuk soalan-soalan yang sesuai dengan piawaian

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, susun semula langkah-langkah penilaian latihan bagi memastikan penilaian yang dilaksanakan adalah berkesan.

- A 
- B 
- C 
- D 

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda di dalam buku jawapan.

SOALAN 1

- a. Seorang telemarketer hanya mampu menelefon 25 orang pelanggan dalam masa sehari, walhal majikannya mengharapkan telemarketer boleh membuat panggilan telefon kepada 50 orang pelanggan dalam jangka masa sehari. Oleh yang demikian, majikannya mengambil keputusan untuk memberi latihan pemasaran kepada telemarketer. Anda diminta untuk membantu majikan menghuraikan dua (2) bentuk analisis keperluan latihan untuk mengurangkan jurang prestasi telemarketer tersebut.

(9 markah)

- b. Sebagai seorang Pegawai Latihan, apakah komponen yang diperlukan untuk membina satu objektif yang jelas?

(11 markah)

SOALAN 2

- a. Pengarah Syarikat Pos Malaysia cawangan Sungai Petani mencadangkan satu program keusahawan kepada staf di bahagian pemasaran. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pembangunan kerjaya staf bahagian berkenaan setelah bersara kelak. Oleh yang demikian, anda diminta untuk menyediakan pelan sukanan pembelajaran program latihan bagi pelaksanaan program berkenaan.

(14 markah)

- b. Pelajar Jurusan Undang-Undang dari International Islamic University Malaysia (UIAM) telah diminta untuk membuat perbincangan secara berkumpulan dan lakon peranan berkenaan dengan satu kes perbicaraan. Jelaskan kesan yang mungkin boleh diperoleh daripada teknik latihan berkenaan?

(6 markah)

SOALAN 3

- a. Bagaimakah model Perubahan Kurt Lewin dapat membantu dalam menilai perubahan sikap pekerjanya?

(12 markah)

- b. Borang soal selidik ini menunjukkan dapanan penilaian untuk program latihan.

Kelas: _____

Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	setuju	Sangat setuju
1	2	3	4	5

Sila maklumkan pandangan anda terhadap program latihan/kursus yang telah anda ikuti ini dengan menanda (/) pada ruangan yang sesuai di bawah berpandukan kepada skor di atas.

BIL	ITEM	1	2	3	4	5
	Penilaian Penceramah	/				
1.	Objektif kursus tercapai	/				
2.	Pengisian program yang sesuai	/				
3.	Penyampaian yang baik dan berkesan	/				
4.	Penggunaan alat bantuan yang berkesan	/				
		/				

Borang Soal Selidik 1

Berdasarkan borang soal selidik 1, bagaimakah proses penilaian latihan dapat membantu Pengurus Sumber Manusia membaiki kualiti program latihan akan datang?

(8 markah)

[60 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

(

(